

09 DEC 1996

Kyrgyzstan - Pekerja

KYRGYZSTAN MINTA BANTUAN MALAYSIA ATASI MASALAH PENGANGGURAN

KUALA LUMPUR, 9 Dis (Bernama) -- Kyrgyzstan meminta bantuan Malaysia untuk menyelesaikan masalah pengangguran yang dihadapi oleh negara Asia Tengah itu selepas ia Merdeka pada 1991.

Timbalan Menteri Buruhnya Aidarbek T. Kerimkulov berkata kadar pengangguran yang tinggi di negaranya ialah di kalangan professional seperti saintis, doktor, jurutera dan buruh mahir terutama dalam industri pembinaan.

"Kami harap kerajaan Malaysia dapat membantu dengan membuka pintu kepada golongan profesional dan buruh mahir Kyrgyz untuk bekerja di negara ini," katanya kepada pemberita selepas mengunjungi Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Kerimkulov berkata Kyrgyzstan meminta bantuan Malaysia selaras dengan semangat kerjasama Selatan-Selatan dan juga berdasarkan hubungan kerjasama di kalangan negara-negara Islam.

Abdul Kadir berkata beliau akan membawa perkara itu kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing.

Malaysia dan Kyrgyzstan mempunyai perjanjian kerjasama yang ditandatangani semasa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat negara itu Julai lepas.

"Secara peribadi, saya fikir ia adalah cadangan yang baik untuk menambah bilangan negara untuk kita mendapatkan pekerja selaras dengan semangat kerjasama Selatan-Selatan dan kerjasama di kalangan negara Islam," katanya.

Abdul Kadir berkata satu kempen untuk menggalakkan rakyat menabung akan dilancarkan tahun depan bermula dengan pelajar pada Januari, diikuti untuk pekerja pada Mac. -- BERNAMA

AKT SN MAI